



Rencana Utama

Oleh
**NOR AINNA
HAMZAH**



MENJEJAKKAN kaki ke pekan Gemas, Negeri Sembilan yang bersempadan dengan Segamat, Johor ini seolah-olah menggamit memori kehidupan masyarakat dahulu kala yang ekonominya berkembang dek kerana wujudnya perkhidmatan kereta api.

Biarpun pembangunan kini semakin giat di kawasan itu, masih terdapat beberapa barisan kedai lama yang hanya menunggu masa kurang 10 tahun lagi untuk mencecah usia 100 tahun serta dianggap bangunan warisan.

Tiada cacat celanya perasaan dan suasana sedemikian memandangkan di sebalik pekan tersebut tersembunyi elemen bersejarah negara iaitu Stesen Keretapi Gemas yang berusia 116 tahun dan kini dalam proses untuk dipulihkan buat warisan generasi akan datang.

Stesen kereta api yang dibina sejak tahun 1906 itu sudah tidak digunakan bermula tahun 2013 apabila stesen kereta api baharu dibina bersebelahannya.

Gemas sejak dahulu lagi memang dikenali sebagai pekan kereta api di negara ini memandangkan di situlah titik penghubung laluan kereta api dari utara, selatan, barat dan timur Semenanjung Malaysia.



STESEN kereta api Gemas baharu yang telah dibina pada tahun 2013 berseni bina moden dan ia terletak bersebelahan stesen kereta api lama yang penuh nilai warisan dan sejarah.

Menghidupkan semula pekan kereta api tanah air

INFO

Asal usul nama Gemas

Menurut seorang individu menetap di pekan itu, Mokhtar Md. Saleh, 69, Gemas sudah cukup sinonim dengan kereta api sehinggakan pada masa dahulu, setiap keluarga menetap di pekan mahupun perkampungan berhampiran pasti akan mempunyai wakil yang bekerja dengan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

“Keluarga saya saja ada dua orang bekerja dengan KTMB. Saya sendiri berpeluang bekerja selama 30 tahun sebagai pemandu kereta api bermula awal tahun 1980-an.

“Banyak kisah menarik di sebalik lokasi ini yang merupakan satu-satunya titik pertemuan pengguna kereta api dari segenap arah di Semenanjung Malaysia ini,” katanya ketika ditemui K2.

Jelas Mokhtar, pengguna kereta api dari Perlis hingga Johor yang mahu ke Pantai Timur pasti akan bertemu di Gemas dan begitulah sebaliknya, penduduk di Pantai Timur yang mahu ke utara atau sebagainya akan bertemu di Gemas.

Mokhtar akui, dia sebenarnya amat berbangga apabila dapat melihat kemudahan pengangkutan kereta api semakin maju sehinggakan tidak perlu lagi menukar haluan kepala kereta api sebagaimana tugasnya dahulu.

“Dengan menggunakan *turn table* (meja pusingan lokomotif), kepala kereta api akan dipusingkan mengikut destinasi. Jika kereta api dari Kuala Lumpur nak ke Johor tidak perlu dipusingkan



MOKHTAR menunjukkan antara struktur *turn table* yang pernah digunakannya dahulu untuk memusingkan kepala kereta api mengikut destinasi.

ZAHARI menunjukkan pelan pembangunan Gemas sejajar dengan naik taraf Stesen Keretapi Gemas yang lama sebagai Muzium Kereta Api Gemas.



kepalanya, tetapi jika ke Pantai Timur atau berpatah balik ke Kuala Lumpur perlu dipusingkan terlebih dahulu.

“Masa pusing ini tak boleh buat seorang, kena dua ke tiga orang kerana menggunakan sepenuhnya kudrat manusia. Kini, kepala kereta api ada di kedua-dua arah,” kongsinya.

Kata Mokhtar, walaupun teknologi semakin berkembang dan stesen lama telah digantikan dengan stesen baharu bagi memenuhi spesifikasi landasan kereta api laju, dia amat berharap agar sejarah Gemas sebagai pekan kereta api dapat dikekalkan.

“Disebabkan stesen kereta api inilah, pekan Gemas sejak dahulu lagi masih bernafas sehingga operasinya berakhir

- Berkait rapat dengan peristiwa penjajah British mahu menyorokkan aset kereta api daripada dimusnahkan oleh Jepun pada sekitar tahun 1940-an
 - Mereka cuba gali terowong di sekitar kawasan gua antara Bukit Jalor ke Gemas, namun semasa usaha menggali, emas telah dijumpai dan kawasan berkenaan digelar gua emas
 - Timbul perbalahan mengenai sebutan. Orang Inggeris menamakan *gold* tetapi penduduk mengatakan ia 'omeh' dan gabungan kedua-duanya menjadi Gomeh sebelum ejaannya dimuktamadkan sebagai Gemas
 - Bagaimanapun, ada penduduk tempatan mendakwa ia sebenarnya dinamakan sempena penemuan tempat lombong emas di sebuah gua yang mereka namakan 'Gomeh' (gua emas)
 - Berikutan penemuan lombong emas itu, nama Gemas terus digunakan bagi menggantikan nama asal iaitu Ayer Terap yang diambil sempena anak sungai berhampiran Rumah Rehat Gemas dan Alor Akar
- pukul 10 malam.
- “Saya harap perancangan Majlis Daerah Tampin (MDT) dengan kerjasama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan KTMB untuk membuat Muzium Kereta Api Gemas di stesen lama itu dapat menghidupkan semula stesen berusia lebih 100 tahun ini,” ujarinya.
- Sementara itu, Yang Dipertua MDT, Zahari Md. Afandi berkata, pembinaan Muzium Kereta Api Gemas kini sudah memasuki fasa kedua memabatkan kerja-kerja naik taraf gerabak hingga penempatan pelancongan serta pembinaan bangunan baharu muzium.




PERKEMBANGAN pekan Gemas, Negeri Sembilan dari dahulu hingga kini banyak dimainkan peranannya oleh kewujudan stesen kereta api terpenting di negara ini.

Menurutnya, fasa pertama iaitu membaik pulih gerabak dan bangunan sedia ada telah dilaksanakan dan dijangka seawal Julai ini, kafe di stesen kereta api Gemas lama iaitu yang berada di bawah muzium akan mula beroperasi.

“Terdapat beberapa pengendali yang berminat. Ia berkonsepkan kopitiam dan kita harap agar tarikan pertama ini akan menghidupkan lokasi bersejarah ini selain menarik ramai pengunjung sebelum muzium ini beroperasi sepenuhnya menjelang tahun 2025.”



Dengan menggunakan *turn table*, kepala kereta api akan dipusingkan mengikut destinasi. Jika kereta api dari Kuala Lumpur nak ke Johor tidak perlu dipusingkan kepalanya tetapi jika ke Pantai Timur atau berpatah balik ke Kuala Lumpur perlu dipusingkan terlebih dahulu.”



GEMAS jadi titik pertemuan laluan kereta api dari segenap arah di Semenanjung.

Bagi muzium pula, bahan pameran akan diselaraskan dengan kelulusan pihak pengurusan KTMB serta RAC.

Kongsi Pegawai Operasi KTMB Gemas, Azman Abdullah, berdasarkan perkongsian sejarah orang tua dahulu, perkhidmatan kereta api di Gemas wujud seawal tahun 1900-an bagi membawa hasil mahsul zaman penjajah sebelum dikembangkan sebagai pengangkutan penduduk setempat.

Menurutnya yang merupakan anak jati Gemas, dahulunya pengangkutan utama penduduk di sekitar Londah dan



ABD. RAZAK

Hasrat menjadi Bandar Kereta Api Warisan

PEMILIK bangunan lama di sekitar pekan berhampiran Stesen Keretapi Gemas dinasihatkan tidak membuat sebarang pengubahsuaian yang boleh menyempatkan ciri-ciri bangunan warisan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gemas, Datuk Abd. Razak Ab. Said berkata, pekan itu sangat berpotensi untuk dijadikan Bandar Kereta Api Warisan sesuai dengan sejarah kewujudan perkhidmatan kereta api di kawasan berkenaan seawal tahun 1900-an.

“Gemas sebenarnya pekan istimewa yang berpotensi untuk dibangunkan bagi menarik kedatangan pelancong,” kata Zahari.

Terangnya, pelan pembangunan muzium membabitkan tiga fasa dengan nilai peruntukan sebanyak RM4,560,000 telah dimulakan sejak tahun 2018 lagi.

Bagi fasa pertama (2022 -2021) dan kedua (2022-2023), peruntukan diperoleh dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kerajaan Negeri Sembilan.

“Skop kerja fasa pertama ialah baik pulih bangunan lama, jejantas, tandas, surau, enam gerabak kereta api, dua platform, longkang, ganti pagar lama dan ‘gutter’, menaik taraf pendawaian elektrik serta peralatan elektrik seperti lampu, kipas dan pendingin hawa.

“Antara skop kerja bagi fasa kedua ialah pembinaan bangunan muzium tambahan, baik pulih jambatan timbang, *turn table* lama dan landasan lama. Malah, perancangan lain ialah menjadikan gerabak-gerabak lama sebagai hotel dan kafe.

Kampung Ladang untuk ke Gemas ialah menggunakan kereta api.

“Kini, perkhidmatan kereta api mempunyai peminatnya yang tersendiri dan bukan hanya digunakan untuk pulang ke kampung halaman masing-masing sama ada dengan menaiki KTM Ekspres Makmur ataupun KTM Ekspres Rakyat Timur.

“Stesen Gemas juga mendapat tempas apabila percutian tular *Train to Dabong* tersebar di laman sosial dengan pengembaraannya bermula dari Stesen Keretapi Gemas bagi penduduk dari barat dan utara Semenanjung,” katanya.

Malah, terdapat beberapa peninggalan kereta api yang masih utuh termasuklah kediaman British buat individu tertinggi jawatannya dalam perkhidmatan kereta api suatu masa dahulu.

“Bagaimanapun, rumah itu kini bukanlah berada di kawasan KTMB, namun nilai sejarahnya boleh dikongsikan dengan masyarakat setempat,” katanya.

Menurutnya, asal usul nama Gemas juga berkait rapat dengan penjajahan British yang ketika itu mahu menyorokkan aset kereta api daripada dimusnahkan oleh Jepun sekitar tahun 1940-an.

“Mereka cuba gali terowong di sekitar kawasan gua antara Bukit Jalor ke Gemas, namun semasa usaha menggali, mereka telah menjumpai emas dan kawasan itu digelar Gua Emas.

“Timbul perbalahan mengenai sebutan. Orang Inggeris menamakan *gold* tetapi penduduk mengatakan ‘omeh’ dan gabungan kedua-duanya menjadi Gomeh sebelum ejaannya dimuktamadkan sebagai Gemas,” katanya.

Menurut Abd Razak, dengan potensi bilangan penduduk yang kian bertambah lebih-lebih lagi dengan kewujudan penempatan tentera melalui Kem Syed Sirajuddin, penduduk sekitar mukim Gemas sudah mencecah lebih 30,000, pelbagai kemudahan bakal dimajukan.

“Kita berhasrat agar pembangunan ini akan turut sama membawa identiti Gemas sebagai titik pertemuan kereta api dari utara, selatan, barat dan timur tanah air,” katanya.



AZMAN (kanan) menunjukkan stesen kereta api lama Gemas yang kini sedang rancak dibaik pulih untuk dijadikan Muzium Kereta Api Gemas dengan bahagian kafenyanya dijadualkan dibuka bulan depan.